

22/11/1997

Bantuan kewangan diteliti

PEMIMPIN negara anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan mengadakan mesyuarat tahunannya di sini minggu depan akan meneliti program bantuan kewangan yang diputuskan oleh 14 negara anggotanya bersama-sama Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) Rabu lalu sebelum membuat keputusan untuk memperakunya atau tidak.

Kanada, sebagai tuan rumah mesyuarat Apec tahun ini, ditugaskan oleh mesyuarat di Manila itu untuk mengemukakan laporan mengenai penubuhan tabung berkenaan kepada mesyuarat pemimpin Apec yang akan diadakan pada 24 dan 25 November.

Penolong Timbalan Menteri Kewangan Kanada, Jim Judd yang mewakili negaranya pada mesyuarat Manila berkenaan memberitahu sidang akhbar di sini, pemimpin negara anggota Apec semestinya mahu membincangkan keputusan mesyuarat di ibu kota Filipina itu.

"Selepas meneliti program bantuan yang dicadangkan oleh mesyuarat Manila itu, pemimpin negara anggota Apec itu akan memutuskan bagaimana untuk bertindak selanjutnya bagi melaksanakan program berkenaan.

"Mereka berhak membuat penilaian sama ada pegawai masing-masing sudah menjalankan tugas dengan baik di Manila atau perubahan perlu dibuat kepada program bantuan yang dicadangkan itu.

Pemimpin 18 negara Apec, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mula tiba di sini Ahad ini dan diberi sambutan rasmi oleh Perdana Menteri Kanada, pada Isnin.

Pada keesokannya mereka termasuk Presiden Bill Clinton dari Amerika Syarikat, Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto dan Presiden China, Jiang Zemin, akan mengadakan mesyuarat di University of British Columbia di sini.

Sebanyak 14 negara anggota Apec iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Australia, China, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Kanada dan Amerika Syarikat menyertai mesyuarat di Manila itu yang bertujuan mencari penyelesaian kepada krisis mata wang yang dihadapi beberapa negara di Asia.

Mexico, Chile, Taiwan dan Papua New Guinea, empat negara anggota Apec yang tidak menghadiri mesyuarat Manila itu sudah diberi penerangan mengenai keputusannya, kata Judd.

Mesyuarat Manila itu turut dihadiri oleh wakil IMF, Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB). Program bantuan yang dicadangkan oleh mesyuarat Manila itu adalah kemudahan kewangan tambahan kepada tabung yang disediakan oleh IMF kepada negara yang memerlukan bantuan kewangan IMF.

(END)